

STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR ASING

SHARALA A/P SUBRAMANIAM

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2012

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

18 Disember 2012



.....
SHARALA A/P SUBRAMANIAM
M20102001187



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوتوريتي قديديين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UPSI/IPS-3/BO 31

Pind.: 00 m/s: 1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title:

STRATEGI PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU
DALAM KUALANGAN PELAJAR ASING.

No. Matrik /Matric's No.:

M20102001187

Saya / I:

SHARALA AIP SUBRAMANIAM.

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The Library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissertation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS****DR. SITI SANIAH BT ABU BAKAR**

PENYERAH
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh:

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

Dilampirkan bersama di dalam Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (jilid keras), selepas lampiran Pengakuan





PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia saya, iaitu Dr. Siti Saniah Abu Bakar yang membenarkan saya menjalankan kajian ini dan memberi tunjuk ajar dan nasihat berguna yang tidak ada batasan. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak universiti yang membenarkan saya untuk menjalankan kajian ini kepada pelajar asing mereka. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pelajar- pelajar saya yang meluangkan masa untuk saya mendapatkan data bagi kajian ini.





ABSTRAK

Kajian ini memerihalkan strategi pembelajaran bahasa Melayu untuk penutur asing. Tujuan kajian ini adalah untuk: (i) mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar asing dalam mempelajari bahasa Melayu di Malaysia, (ii) mengetahui nilai min bagi SPB yang digunakan oleh pelajar asing yang berlainan budaya berdasarkan negara asal mereka dan (iii) mengenal pasti, sama ada pelajar asing lebih bermotivasi instrumental atau integratif dalam pemilihan strategi pembelajaran bahasa Melayu. Instrumen soal selidik digunakan bagi mengumpulkan data. Seramai 173 orang pelajar asing yang mewakili enam buah negara telah dipilih sebagai responden kajian. Data soal selidik dianalisis untuk menjawab soalan kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar asing lebih banyak memberi tumpuan di dalam kelas untuk menguasai bahasa Melayu. Strategi pembelajaran bahasa yang digunakan oleh pelajar asing yang berlainan budaya berdasarkan negara Nigeria, Indonesia, Iraq dan Libya ialah memberi sepenuh perhatian semasa guru mengajar di dalam kelas. Pelajar China pula menggunakan strategi mendengar dengan teliti cara guru bertutur dalam bahasa Melayu semasa pembelajaran berlangsung, manakala pelajar Iran menggunakan strategi melibatkan diri dengan aktiviti kelas secara aktif. Selain itu, didapati pelajar asing lebih bermotivasi integratif dalam pemilihan strategi pembelajaran bahasa Melayu berbanding instrumental. Implikasi kajian ialah, para pensyarah sendiri perlu mempunyai inisiatif untuk menggunakan pelbagai cara, kaedah atau pendekatan yang paling sesuai dalam proses pengajaran.





MALAY LANGUAGE LEARNING STRATEGIES AMONG FOREIGN STUDENTS

ABSTRACT

This study describes the Malay language learning strategies used by foreign students. The purposes of this study are to: (i) identify the language learning strategies used by foreign students to acquire Malay language, (ii) gather the mean value of language learning strategies used by foreign students of different cultures based on their country of origin and (iii) identify whether the foreign students were motivated instrumentally or integratively in the selection of the Malay language learning strategies. Questionnaires were used to collect data. A total of 173 foreign students representing six countries were selected as respondents, were asked on which language learning strategies used by them. The data from the questionnaires was analyzed to answer research questions. The analysis indicated that foreign students focused more in classroom teaching in order to acquire Malay language. Language learning strategies, particularly used by students from Nigeria, Indonesia, Iraq and Libya, indicated the strategy of paying full attention to the teacher in the classroom. Students from China engaged in attentive listening, by which emulating how the teacher speaks in the learning process, while Iranian students adopt active participation in classroom as means of learning the Malay language. In addition, foreign students were more motivated integratively compared to instrumentally in their choice of language learning strategies. This study implicates that the lectures themselves should have the initiative to use various means, method or approach which best suits the teaching process.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	2
1.3	Pernyataan Masalah	4
1.4	Soalan Kajian	7
1.5	Kerangka Konseptual Kajian	8
1.6	Objektif Kajian	9
1.7	Kepentingan Kajian	10
1.8	Batasan Kajian	11
1.9	Definisi Operasional	14
1.9.1	Strategi Pembelajaran Bahasa	14
1.9.2	Bahasa Melayu	15



1.9.3	Pelajar Asing	16
1.9.4	Faktor Pelajar	16
1.9.4.1	Faktor Budaya	17
1.9.4.2	Faktor Motivasi	17
1.10	Kesimpulan	18
BAB 2	TINJAUAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	19
2.2	Strategi Pembelajaran Bahasa	20
2.3	Model Berkaitan Strategi Pembelajaran Bahasa	22
2.3.1	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Bialystok	22
2.3.2	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Oxford	23
2.3.3	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Stern	25
2.3.4	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Ellis	26
2.3.5	Model Strategi Pembelajaran Bahasa Mohamed Amin	30
2.4	Kajian Tentang Strategi Pembelajaran Bahasa	31
2.4.1	Strategi Pembelajaran Bahasa Inggeris	32
2.4.1.1	Strategi Pembelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah	33
2.4.1.2	Strategi Pembelajaran Bahasa Inggeris di IPT	37
	a. Kajian di Dalam Negara	37
	b. Kajian di Luar Negara	38
2.4.2	Strategi Pembelajaran Bahasa Asing	43
2.4.2.1	Strategi Pembelajaran Bahasa Arab	43
2.4.2.2	Strategi Pembelajaran Bahasa Jepun	45



2.4.3	Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu	46
2.4.3.1	Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Sekolah	47
2.4.3.2	Strategi Pembelajaran Bahasa Inggeris di IPT	51
2.4.4	Faktor Budaya dalam Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu	55
2.4.5	Faktor Motivasi dalam Pemilihan Strategi Pembelajaran Bahasa	57
2.5	Kerangka Teori	62
2.6	Kesimpulan	64

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	65
3.2	Kaedah Kajian	66
3.2.1	Sampel Kajian	70
3.2.2	Instrumen Kajian	73
3.3	Prosedur Pengumpulan Data	75
3.4	Penganalisan Data	76
3.5	Kesimpulan	78

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	79
4.2	Analisis Deskriptif	80
4.2.1	Taburan Responden Kajian	80
4.2.2	Analisis Inferensi	83

4.2.2.1	SPB yang Digunakan oleh Pelajar Asing dalam Mempelajari BM di Malaysia	84
a.	SPB Melayu DDK	84
b.	SPB Melayu DLK	86
c.	SPB Melayu SMP	89
d.	SPB Melayu Keseluruhan	90
4.2.2.2	SPB Pelajar Asing yang Berlainan Budaya Berdasarkan Negara	91
a.	SPB Melayu Pelajar Nigeria	92
b.	SPB Melayu Pelajar Iran	93
c.	SPB Melayu Pelajar Indonesia	94
d.	SPB Melayu Pelajar China	95
e.	SPB Melayu Pelajar Iraq	96
f.	SPB Melayu Pelajar Libya	98
4.2.2.3	Pelajar Asing Lebih Bermotivasi Instrumental atau Integratif dalam Pemilihan SPB	99

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	103
5.2	Ringkasan Kajian	104
5.3	Ringkasan Dapatan Kajian	106
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian	108
5.4.1	Perbincangan SPB yang Digunakan oleh Pelajar Asing dalam Mempelajari Bahasa Melayu di Malaysia	109
5.4.2	Perbincangan Nilai Min bagi SPB yang Digunakan oleh Pelajar Asing yang Berlainan Budaya Berdasarkan Negara Asal Mereka	115
5.4.3	Perbincangan tentang Pelajar Asing Bermotivasi	

	Instrumental atau Integratif dalam Pemilihan SPB	118
5.5	Kesimpulan	122
5.6	Implikasi Kajian	123
5.7	Cadangan Kajian	124
RUJUKAN		126
LAMPIRAN		138

SENARAI JADUAL

Jadual	muka surat
2.1 Model SPB Oxford	24
2.2 Sikap Pelajar Terhadap Budaya	29
3.1 Skala Likert bagi Bahagian I	74
3.2 Pembahagian Item dalam Instrumen Soal Selidik	75
3.3 Tahap Penilaian Min	78
4.1 Taburan Responden Kajian Mengikut Variabel	81
4.2 Tahap Penggunaan SPB	83
4.3 Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di dalam Kelas	84
4.4 Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu di Luar Kelas	86
4.5 Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Semasa Menghadapi Peperiksaan	89
4.6 Statistik Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu	90
4.7 Keseluruhan Nilai Min bagi Motivasi Instrumental dan Integratif	99
4.8 Nilai min bermotivasi instrumental	101
4.9 Nilai min bermotivasi integratif	106

SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian[Diubah suai daripada Ellis (1994) dan Mohamed Amin (1996)]	9
1.1 Enrolmen Pelajar Antarabangsa di IPTA Mengikut Negara Asal pada 2010	12
1.2 Enrolmen Pelajar Antarabangsa di IPTS Mengikut Negara Asal pada 2010	12
2.1 SPB Bialystok dalam Pembelajaran Bahasa Kedua	23
2.2 Model SPB Ellis Berdasarkan Pembelajaran Bahasa Kedua Ellis (1994)	26
2.3 Model Pemilihan Strategi Pembelajaran Bahasa Pelajar Asing [Diubah suai daripada Ellis (1994) dan Mohamed Amin (1996)]	62
3.1 Pecahan Sampel Mengikut Jantina	71
3.2 Pecahan Sampel Mengikut Peringkat Umur	71
3.3 Pecahan Sampel Mengikut Negara Asal	72
3.4 Pecahan Sampel Mengikut Universiti	72
3.5 Pecahan Sampel Mengikut Tahap Pengetahuan dalam Bahasa Melayu	73
4.1 Nilai Min SPB Pelajar Nigeria	92
4.2 Nilai Min SPB Pelajar Iran	93
4.3 Nilai Min SPB Pelajar Indonesia	94
4.4 Nilai Min SPB Pelajar China	95
4.5 Nilai Min SPB Pelajar Iraq	96
4.6 Nilai Min SPB Pelajar Libya	98
4.7 Keseluruhan nilai min bagi motivasi instrumental dan integratif dalam SPB	101

SENARAI SINGKATAN

BM	= Bahasa Melayu
DDK	= Di dalam kelas
DDL	= Di luar kelas
EFL	= <i>English as Foreign Language</i>
IPT	= Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	= Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	= Isntitusi Pengajian Tinggi Swasta
IIC	= <i>International Islamic College</i> (Kolej Islam Antarabangsa)
MMU	= Universiti Multimedia
MQA	= <i>Malaysian Qualification Agency</i>
PMR	= Penilaian Menengah Rendah
SMP	= Semasa Menghadapi Peperiksaan
SPB	= Strategi Pembelajaran Bahasa
SPBPA	= Strataegi Pembelajaran Bahasa Pelajar Asing
SPSS	= <i>Statistical Package for Science</i>
TESL	= Teashing English as Second Language
UKM	= Universiti Kebangsaan Malaysia
UNITEN	= Universiti Tenaga Nasional
UPM	= Universiti Putra Malaysia
UPSI	= Universiti Pendidikan Sultan Idris



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Kemasukan pelajar asing daripada merata benua yang datang untuk melanjutkan pengajian di Malaysia membantu menaikkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa dunia yang berpotensi tinggi. Hal ini kerana subjek Bahasa Melayu menjadi subjek yang wajib diambil oleh pelajar asing seperti yang terdapat dalam Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Dalam hal ini, subjek Bahasa Melayu menjadi bahasa asing kepada pelajar asing. Tujuan utama mewajibkan pelajar asing mengambil subjek ini adalah bagi membolehkan pelajar asing berkomunikasi dan menyesuaikan diri dengan persekitaran di Malaysia.





Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 telah menetapkan Bahasa Melayu (BM), Pengajian Malaysia dan Pendidikan Moral sebagai subjek yang wajib diikuti oleh pelajar asing dan telah menjadikan BM sebagai bahasa pengantar di semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuklah institusi-institusi yang tidak tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti (Awang, 2004:34). Dalam usaha menambah baik tahap penguasaan BM pelajar asing dan secara tidak langsung memartabatkan BM, kebanyakan IPT di Malaysia telah mewajibkan pelajar asing untuk mengikuti kursus BM dalam tempoh pengajian, namun tidak wajib lulus sebagai salah satu syarat yang termaktub dalam Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Fa'izah, Zamri dan Mohamed Amin, 2009:261). Melalui kedua-dua akta ini diharapkan pelajar asing dapat berkomunikasi dan menyesuaikan diri dengan cara hidup dan budaya masyarakat Malaysia.



1.2 Latar Belakang Kajian

Menurut Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, kursus BM diwajibkan kepada 65,000 orang pelajar asing di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di negara ini (Berita Harian, 23 Mac 2010). Meskipun kandungan kursus hanya pada peringkat komunikasi seharian, namun tujuan utama adalah bagi membolehkan pelajar asing dapat mengenal rakyat negara ini dan memahami budaya setempat dengan lebih baik. Dari sudut martabat BM pula, memang sewajarnya pelajar asing diwajibkan mengikuti kursus BM yang menjadi bahasa negara, bahasa komunikasi dalam urusan rasmi, bahasa utama pendidikan dan bahasa perhubungan umum yang utama di negara ini. Selain memberikan manfaat





kepada pelajar asing, secara tidak langsung membolehkan BM tersebar dan dikenal dengan lebih meluas di negara-negara asal pelajar itu (Siti Saniah, 2011).

Walaupun Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996 telah mewajibkan kursus BM kepada para pelajar, namun penyelidikan dalam bidang BM ini masih terlalu kurang. Pengkaji-pengkaji sebelum ini seperti Abu Talib (1998), Mohd Nazali (1999), Supian (2003) dan Zamri (2004) yang banyak menumpukan perhatian terhadap penyelidikan BM sebagai bahasa pertama. Hal ini menyebabkan pelajar asing mengalami kesukaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran BM kerana kekurangan sumber rujukan. Oleh itu, penyelidikan ini diperlukan supaya pelajar dan juga tenaga pengajar dapat menerima manfaat.

Oleh sebab kebanyakan kursus asas BM di universiti awam atau swasta hanya ditawarkan dalam jangka masa yang singkat maka pengetahuan tentang SPB amat penting, jika tidak akan menimbulkan kesukaran untuk pelajar asing menguasai BM. Pengetahuan tentang SPB perlu dikuasai oleh semua pelajar. Keupayaan pelajar belajar dengan cemerlang turut dipengaruhi oleh sejauh mana strategi belajar yang digunakan oleh mereka (Zamri, 2004). Tambahan pula, SPB yang paling berkesan dapat membantu para guru untuk merancang sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih baik. Menurut Tyacke dan Mendelson (1986), guru yang mengajar bahasa dengan baik akan mempengaruhi pelajarnya untuk menggunakan pelbagai kaedah, teknik dan cara atau strategi belajar seperti yang diajar oleh guru bahasa mereka.





Walaupun ada banyak kajian tentang kecemerlangan pelajar dalam pembelajaran bahasa di Malaysia dijalankan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris (BI) sebagai bahasa kedua seperti Mohamed Amin (1996), Che Suriyati, (2000), Azlin Mazniwati (2000), dan Faizahani (2002), namun kajian yang dijalankan dalam mata pelajaran BM banyak tertumpu kepada pelajar tempatan di peringkat sekolah menengah seperti yang dijalankan oleh Abu Talib (1998), Mohd. Nazali (1999), Yong Zaharah (1999), Zuriyati (1999), Supian (2003), dan Zamri (2004). Terdapat juga pengkaji yang mengkaji SPB Melayu di IPT seperti Fa'izah, Zamri dan Mohd. Amin (2009), Yong, Chan, Siti Saniah (2009); dan Yong et. al (2010a dan 2010b) namun masih dianggap tidak memadai. Justeru, kajian terperinci tentang SPB Melayu untuk pelajar asing di IPT perlu dijalankan.



1.3 Pernyataan Masalah

Terdapat beberapa kajian tentang SPB yang dijalankan oleh pengkaji tempatan tetapi fokus kajiannya terhadap bahasa lain. Antara pengkajinya ialah Roslina (1999), Anida (2003), Neo (2005) dan Suzana (2005) yang telah menjalankan kajian terhadap bahasa Jepun, bahasa Arab, dan bahasa Sepanyol. Selain itu, terdapat juga kajian-kajian berkaitan SPB Melayu yang hanya tertumpu kepada pelajar tempatan di peringkat sekolah menengah seperti kajian yang dijalankan oleh Abu Talib (1998), Mohd Nazali (1999), Supian (2003) dan Zamri (2004). Kajian Mohamed Amin (1996) merupakan kajian terawal yang mengkaji SPB dalam konteks pendidikan di Malaysia (Zamri, 2004:56).





Hanya beberapa orang pengkaji seperti Fai'zah, Zamri dan Mohamed Amin (2009), Yong, Siti Saniah dan Chan (2009); dan Yong, Siti Saniah, Chan dan Vijayaletchumy (2010a dan 2010b) yang pernah menjalankan kajian tentang SPB terhadap pelajar asing di IPT. Namun, kajian-kajian tersebut masih tidak dapat menggambarkan keseluruhan SPB yang digunakan dalam kalangan pelajar asing. Justeru, kajian yang lebih terperinci tentang SPB perlu dijalankan. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar dan pengajar dalam proses pembelajaran dan pengajaran BM sebagai bahasa asing.

Di samping itu, kajian yang dilakukan oleh Fa'izah, Zamri dan Mohamed Amin (2009) tentang pelajar asing di IPT hanya tertumpu pada pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia sahaja dan dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar luar negara yang mempelajari BM sebagai bahasa asing masih tidak dapat menguasai kemahiran BM dengan baik. Manakala bagi kajian SPB Melayu dalam kalangan pelajar asing yang dijalankan oleh Yong, Siti Saniah dan Chan (2009) pula, mendapati bahawa proses pembelajaran banyak berlaku di dalam kelas (DDK) dan pergantungan kepada pensyarah menjadi strategi utama pelajar asing dalam mempelajari BM. Walau bagaimanapun, kajian tersebut hanya terhad di Universiti Multimedia Cyberjaya sahaja. Oleh itu, skop kajian perlu diperluaskan sehingga meliputi IPTA dan IPTS supaya data kajian dari pelbagai negara dapat diambil dan ini dapat membuktikan lagi kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

Selain itu, Azman dan Goh (2010) telah menjalankan kajian yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa asing di IPT. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa budaya mempengaruhi pembelajaran bahasa. Namun, kajian ini berfokus pada bahasa





Arab, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis sebagai bahasa asing kepada pelajar tempatan di IPTA. Menurut Fai'zah, Zamri dan Mohamed Amin (2009), kajian yang berkaitan dengan SPB pelajar asing daripada latar belakang budaya dan persekitaran serta situasi yang berbeza amat diperlukan untuk dijalankan penyelidikan supaya maklumat yang lebih konsisten dapat diperoleh. Hal ini kerana pelajar asing bukan sahaja perlu mahir dalam pembelajaran BM, tetapi mereka juga perlu menyesuaikan diri dengan aspek sosio-budaya masyarakat yang sudah tentu berbeza dengan budaya yang diamalkan dalam masyarakat sendiri. Menurut Horwitz (1988), faktor sosio-budaya mempunyai pengaruh terhadap persepsi pelajar dalam pembelajaran bahasa asing.

Selain itu, terdapat juga pengkaji luar negara seperti, Nenden (2004) yang mengkaji tentang kepelbagaian budaya dalam pembelajaran bahasa asing. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa faktor budaya memang mempengaruhi SPB. Namun, kajian ini dijalankan terhadap pelajar universiti di Australia yang mengambil subjek Bahasa Indonesia sebagai bahasa asing. Oleh demikian, perlu ada kajian bagi mengenal pasti SPB yang digunakan oleh pelajar asing yang berlainan budaya semasa belajar BM di Malaysia.

Pengkaji yang seterusnya ialah Teoh (2005) yang telah mengkaji tentang hubungan motivasi dengan pencapaian dalam BM. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa hubungan antara motivasi dengan pencapaian pelajar dalam BM adalah lemah. Namun, kajian yang dijalankan oleh Jerie dan Zamri (2011) tentang sikap dan motivasi pelajar Iban dalam mempelajari BM menunjukkan bahawa pelajar Iban mempunyai motivasi yang tinggi dalam mempelajari BM sebagai bahasa kedua.





Pelajar Iban juga menunjukkan tahap motivasi instrumental yang tinggi berbanding motivasi integratif. Menurut mereka, pelajar Iban mempelajari BM dengan bersungguh-sungguh kerana adanya motivasi instrumental. Walaupun kajian ini tentang BM, namun fokusnya terhadap pelajar Iban dari sekolah rendah di daerah Kanowit sahaja. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk mengenal pasti sama ada pelajar asing yang belajar di IPT lebih bermotivasi instrumental atau integratif dalam pemilihan SPB. Dalam mempelajari bahasa, individu memerlukan motivasi yang tinggi bagi mencapai kejayaan dan matlamat dalam pembelajaran bahasa (Gardner, 1972).

1.4 Soalan Kajian



Kajian ini akan menjawab tiga soalan yang berikut:

- i. Apakah SPB yang digunakan oleh pelajar asing dalam mempelajari BM di Malaysia?
- ii. Apakah SPB yang digunakan oleh pelajar asing yang berlainan budaya berdasarkan negara?
- iii. Adakah pelajar asing lebih bermotivasi instrumental atau integratif dalam pemilihan SPB?






1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Secara khusus, kajian tinjauan ini berdasarkan model kerangka konseptual kajian mengikut SPB yang digunakan oleh peserta kajian ketika mempelajari Bahasa Melayu semasa di dalam kelas, di luar kelas dan semasa menghadapi peperiksaan. Kerangka konseptual kajian ditunjukkan dalam Rajah 1.1.

Rajah 1.1 menerangkan kerangka konseptual kajian yang dijalankan. Faktor perbezaan pelajar, motivasi serta budaya boleh mempengaruhi SPB yang digunakan oleh peserta kajian. Dalam kajian ini, peserta kajian yang diambil daripada kalangan pelajar yang sedang menuntut di institusi tempatan yang berasal daripada negara yang berbeza seperti Iran, Iraq, China, Indonesia, Nigeria dan Libya dikaji SPB yang mereka gunakan ketika belajar Bahasa Melayu semasa DDK, DLK dan SMP. Untuk melihat perbezaan pemilihan SPB berdasarkan faktor pelajar, iaitu motivasi dan budaya. Instrumen soal selidik digunakan untuk pengumpulan data. Hasil kajian tersebut dapat dikenal pasti nilai min bagi SPB yang digunakan oleh pelajar asing yang berlainan budaya berdasarkan negara dan dapat mengenal pasti, sama ada pelajar asing lebih bermotivasi instrumental atau integratif dalam pemilihan SPB.





Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian[Diubah suai daripada Ellis (1994) dan Mohamed Amin (1996)]

1.6 Objektif Kajian

Penyelidikan ini bertujuan untuk;

- i. Mengetahui pasti SPB yang digunakan oleh pelajar asing dalam mempelajari BM di Malaysia.
- ii. Mengetahui pasti SPB yang digunakan oleh pelajar asing yang berlainan budaya berdasarkan negara.
- iii. Mengetahui pasti sama ada pelajar asing lebih bermotivasi instrumental atau integratif dalam pemilihan SPB.



1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini dilaksanakan memandangkan belum ada kajian seumpamanya yang dibuat tentang SPB pelajar asing di Malaysia yang melibatkan pelajar asing di IPTA dan IPTS. Kajian ini sangat penting kerana dapat memberi manfaat yang sangat berguna kepada pensyarah BM, pelajar, pihak universiti serta Kementerian Pengajian Tinggi. Hasil kajian ini diharap dapat membantu pensyarah memperbaiki kaedah pengajaran.

Hasil kajian ini boleh menjadi panduan kepada pensyarah-pensyarah universiti, sama ada di IPTA atau IPTS dalam usaha memperbaiki kelemahan kaedah pengajaran BM. Peranan pensyarah semasa pengajaran berlangsung amat penting memandangkan pelajar asing lebih banyak memberi tumpuan semasa DDK. Hal ini berikutan dapatan kajian yang telah diperolehi oleh Yong, Siti Saniah dan Chong (2009) dalam kajian berkaitan SPB yang pernah dilaksanakan sebelum ini.

Di samping itu, kajian ini juga sangat berguna kepada pelajar asing. Hal ini demikian kerana melalui dapatan kajian, pelajar asing diharapkan dapat mengenal pasti SPB yang sesuai dan diminati semasa mempelajari BM, sama ada DDK, semasa DLK, mahupun semasa menghadapi peperiksaan (SMP). Usaha begini akan meningkatkan lagi keberkesanan proses pembelajaran BM.

Kajian ini juga dapat memberi gambaran kepada pihak universiti untuk merancang kursus yang bersesuaian dengan pelajar asing dalam membantu mereka agar dapat menguasai BM dengan baik. Maklum balas ini juga membolehkan pihak





universiti memperkenalkan satu kaedah baharu dalam menggalakkan pelajar asing mempelajari BM dengan penuh berminat.

Kajian SPB ini bukan sahaja mendatangkan kebaikan kepada guru, pelajar dan pihak universiti, tetapi juga kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang terlibat secara langsung dengan pendidikan BM. Dalam hal ini, SPB dalam kalangan pelajar asing perlu diberi keutamaan. Dengan pengenalanpastian SPB pelajar asing ini, pihak Kementerian Pengajian Tinggi dapat membantu pelajar asing yang belajar di Malaysia dalam mempelajari BM dengan melatih guru-guru yang mengajar BM.


Kesimpulannya, penggunaan SPB yang sesuai dapat membantu pelajar asing mencapai kecemerlangan dalam BM. Banyak kajian lepas telah membuktikan bahawa SPB membantu pelajar mencapai kecemerlangan. Pengkaji berpendapat kajian SPB Melayu dalam kalangan pelajar asing memberi banyak kebaikan kepada semua pihak terutamanya guru, pelajar, pihak universiti dan kepada Kementerian Pengajian Tinggi.

1.8 Batasan Kajian


Kajian ini dijalankan terhadap 300 orang pelajar asing yang sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta. Antara IPT ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Multimedia (MMU), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Kolej Islam Antarabangsa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (IIC). Responden kajian terdiri daripada 124 orang pelajar lelaki dan 49



orang pelajar perempuan yang menetap di sekitar lokasi kajian. Lingkungan umur responden adalah bawah 18 hingga 27 ke atas yang berasal dari Nigeria, Iran, Indonesia, China, Iraq dan Libya. Sampel kajian ini dipilih sebagai wakil populasi pelajar asing yang mempelajari BM di IPTS dan IPTA.



Rajah 1.1. Enrolmen Pelajar Antarabangsa di IPTA Negara Asal Pada 2010



Rajah 1.2. Enrolmen Pelajar Antarabangsa di IPTS Negara Asal Pada 2010



Rajah 1.1 dan Rajah 1.2 menjelaskan tentang enrolmen pelajar antarabangsa IPTA dan IPTS mengikut negara asal pada tahun 2010 seperti yang terdapat dalam buku Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia. Berdasarkan enrolmen ini keenam-enam negara yang dipilih dalam kajian ini merupakan antara negara yang populasi pelajar asing tersenarai dalam 10 buah negara yang mempunyai jumlah pelajar paling ramai belajar di IPTA dan IPTS di Malaysia. (<http://www.mohe.gov.my/web/Statistik/index.htm>, 2011Julai15). Hal ini menunjukkan bahawa pemilihan pelajar asing yang berasal dari Nigeria, Iran, Indonesia, China, Iraq dan Libya sebagai sampel kajian adalah bertepatan dengan pemilihannya sebagai wakil populasi pelajar asing di Malaysia.

Kajian tinjauan ini dilaksanakan melalui instrumen soal selidik. Untuk itu, segala maklumat diri responden diambil daripada borang soal selidik. Dalam borang soal selidik, pelajar asing diminta untuk menilai 55 SPB yang telah disenaraikan untuk melihat SPB yang dipilih oleh pelajar sendiri mengikut pendapat dan pandangan mereka. SPB ini dibahagikan kepada SPB DDK, di luar kelas (DLK) dan strategi yang digunakan SMP. Seterusnya, pelajar perlu memilih faktor yang mendorong mereka sama ada bermotivasi instrumental atau integratif dalam pemilihan SPB.



1.9 Definisi Operasional

Beberapa istilah penting yang berkaitan dengan penyelidikan ini perlu diberi penjelasan bagi memudahkan pengkaji selanjutnya yang menjadikan kajian ini sebagai panduan. Definisi operasional ialah penjelasan definisi yang terdapat dalam sesuatu penyelidikan. Antara istilah yang perlu diberi takrifan ialah SPB, BM, pelajar asing dan faktor pelajar.

1.9.1 Strategi Pembelajaran Bahasa

SPB bermaksud cara yang digunakan oleh pelajar untuk menguasai sesuatu subjek.

SPB dapat memudahkan lagi pelajar untuk memperoleh, menyimpan dan menggunakan semula maklumat yang diperoleh sehingga menjadikan pembelajaran

lebih mudah, lebih efektif dan menyeronokkan (Rigney, 1978 dan Zamri, 2004).

Seterusnya, Oxford (1990) mentakrifkan SPB sebagai langkah-langkah atau tindakan khusus yang diambil oleh para pelajar untuk menjadikan pembelajaran mudah, lebih menyeronokkan, lebih ke arah sendiri dan lebih cekap serta lebih berupaya berpindah ke suasana baharu. Mohamed Amin (2000) juga dalam *Language Learning Strategies: A Malaysian Context* menjelaskan SPB sebagai langkah atau tindakan yang diambil oleh pelajar untuk meningkatkan tahap pemerolehan BM supaya lebih mudah dipelajari, difahami dan dikuasai seterusnya mempercepatkan proses menguasai kecekapan dalam berbahasa. Berdasarkan kajian ini, SPB lebih kepada cara-cara yang digunakan oleh pelajar asing dalam mempelajari BM sebagai



bahasa asing. Hal ini kerana BM menjadi subjek yang wajib kepada pelajar asing. Oleh itu, mereka perlu sedar tentang strategi yang tepat semasa mempelajari BM bagi memudahkan proses pembelajaran mereka.

1.9.2 Bahasa Melayu

BM dikenali sebagai bahasa kebangsaan, bahasa perpaduan, bahasa perantaraan, bahasa ilmu dan bahasa rasmi di Malaysia. Dalam konteks kajian ini, BM merupakan subjek yang ditawarkan sebagai kursus yang wajib kepada pelajar asing di IPTA dan IPTS seperti yang termaktub di dalam Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996. Pelajar asing yang dipilih sebagai responden kajian mengikuti kursus BM ini pada peringkat asas berkomunikasi. Walaupun pelajar asing mempelajari BM, tetapi subjek ini diberi pelbagai nama bergantung kepada institusi itu sendiri, misalnya di MMU dan IIC dikenali sebagai Bahasa Kebangsaan B berdasarkan silabus daripada MQA, di UNITEN dikenali sebagai *Malay Language for International Students*, UPM dikenali sebagai BM Asas, manakala di UKM pula dikenali sebagai BM sebagai Bahasa Asing.





1.9.3 Pelajar Asing

Pelajar asing merupakan pelajar yang berasal dari luar negara dan melanjutkan pelajaran di Malaysia. Dalam konteks kajian ini, pelajar asing merujuk kepada pelajar asing yang berasal dari negara Nigeria, China, Indonesia, Iran, Iraq dan Libya. Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996, pelajar asing yang belajar di Malaysia diwajibkan mengambil subjek BM bagi memudahkan mereka berkomunikasi dan mengenali budaya masyarakat Malaysia.

1.9.4 Faktor Pelajar

Menurut Ellis (1994), faktor pelajar ialah salah satu aspek yang terdapat dalam perbezaan individu yang menerangkan tentang SPB. Setiap pelajar mempunyai gaya, elemen yang tersendiri dalam mempelajari bahasa. Berdasarkan model Ellis (1994), SPB dipengaruhi oleh perbezaan individu dan situasi dan faktor sosial. Perbezaan individu terdiri daripada kepercayaan, pernyataan afektif, faktor pelajar dan pengalaman pelajar. Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat faktor pelajar sahaja. Faktor pelajar ini pula terbahagi kepada umur, motivasi, kebolehan dan gaya pembelajaran.

Situasi dan faktor sosial pula terbahagi kepada bahasa sasaran, latar pembelajaran, budaya, jenis tugas dan jantina. Dalam pembahagian ini, pengkaji telah memilih dua faktor yang dianggap penting dalam mempengaruhi SPB, iaitu faktor budaya dan motivasi.



1.9.4.1 Faktor Budaya

Budaya dikenali sebagai peranan individu dalam kehidupan seharian. Lebih kepada sikap dan kelakuan individu. Menurut Brown (1994), budaya adalah sebahagian daripada bahasa dan bahasa adalah sebahagian daripada budaya. Kedua-duanya saling berkait dan tidak boleh dipisahkan tanpa menjejaskan kesignifikanan salah satu daripadanya. Budaya juga lebih menekankan keharmonian dan menghormati pihak berautoriti yang boleh mempengaruhi cara pembelajaran pelajar (Lin dan Yi, 1997). Budaya juga mampu menjadikan sebahagian pelajar mengambil pendekatan pembelajaran yang aktif dan sebahagian pula boleh menjadi pasif. Budaya juga salah satu pemboleh ubah yang mempengaruhi pemilihan dan penggunaan SPB (Griffiths, 2003; Macaro, 2001; Mohamed Amin, 1996). Berdasarkan kajian ini pengkaji ingin melihat SPB yang digunakan oleh pelajar asing yang berlainan budaya berdasarkan negara.

1.9.4.2 Faktor Motivasi

Faktor motivasi dikenali sebagai usaha-usaha yang menyebabkan seseorang melakukan sesuatu untuk mencapai tujuan (Depdikubud, 1998). Motivasi juga boleh dikatakan sebagai tenaga dalam diri seseorang yang mendorong untuk melakukan sesuatu tindakan. Berdasarkan kajian ini, pengkaji ingin melihat pengaruh motivasi atau dorongan atau inspirasi pelajar asing dalam pemilihan SPB. Hal ini kerana menurut Macaro (2001), memang terdapat perkaitan yang signifikan antara penggunaan SPB dengan motivasi pelajar.



Menurut Ellis (1994), motivasi terbahagi kepada empat, iaitu motivasi instrumental bermaksud pelajar mempelajari bahasa kedua atas sebab tertentu. Contohnya, pelajar asing mempelajari BM untuk mendapatkan peluang yang baik dari segi pendidikan dan ekonomi. Motivasi yang kedua ialah motivasi integratif bermaksud tujuan pelajar mempelajari bahasa kedua kerana mereka berminat terhadap masyarakat dan budaya bahasa sasaran. Motivasi yang ketiga pula motivasi resultatif yang menjadi punca pencapaian dan menjadi hasil pembelajaran pelajar apabila mereka mencapai kejayaan dalam bahasa yang dipelajari. Motivasi yang keempat ialah motivasi intrinsik yang mendorong pelajar melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran bahasa mengikut perasaan sendiri. Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji ingin melihat motivasi instrumental dan motivasi integratif yang memang berkait rapat dengan tujuan pengkaji.



1.9 Kesimpulan

Kajian SPB yang dijalankan di IPTA dan di IPTS terhadap pelajar asing yang mempelajari BM sebagai subjek yang wajib bertujuan mengenal pasti SPB yang digunakan oleh mereka. Kajian ini juga dijalankan untuk melihat SPB digunakan oleh pelajar asing yang berlainan budaya berdasarkan negara, serta mengenal pasti sama ada pelajar asing ini bermotivasi instrumental atau integratif dalam pemilihan SPB.

